

01 DEC 1996

Ali - Bas

PENGUSAHA KENDERAAN AWAM PERLU GUNA PIAWAIAN ISO 9000

LANGKAWI, 1 Dis (Bernama) -- Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohamed Ali Rastam meminta pengusaha kenderaan awam supaya menggunakan Piawaian ISO 9000 dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan dan keselamatan penumpang.

Menurutnya, tahap piawaian itu jika dipatuhi dapat mengurangkan kadar kemalangan.

"Antara amalan yang perlu dipatuhi dalam piawaian itu ialah menutup pintu ketika bas sedang bergerak," katanya ketika ditemui pada perasmian Pameran Motor Antarabangsa Langkawi (LIMOS '96), di sini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mohamed Ali berkata kadar kemalangan yang membabitkan bas sekolah amat berkurangan, antara lima dan 10 peratus, berbanding perkhidmatan bas lain.

Kadar kemalangan yang rendah itu juga menjimat kos insurans kerana pengusaha bas dikenakan bayaran premium yang rendah, katanya.

Mengenai penyertaannya dalam rombongan Perdana Menteri dalam lawatan ke Belanda, Mohamed Ali berkata ia dapat memberi peluang kepada Kementerian Pengangkutan untuk melihat operasi beberapa pelabuhan utama di negara itu untuk dijadikan model pengendalian pelabuhan di negara ini.

Menurutnya, Belanda mempunyai pelabuhan yang terkemuka di dunia yang boleh dicontohi terutama dari segi pengurusan dan operasi.

Mohamed Ali menyertai rombongan Dr Mahathir sebagai mewakili Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Katanya lawatan itu juga dapat menggalakkan lebih banyak kapal menggunakan Pelabuhan Klang. -- BERNAMA

ZI MFJ FAZ